

HAMKA: PENYA, PEMIKIRAN DAN PENGHORMATAN


oleh: Mariatul Qibtiah Isa

Konvokesyen Kedua Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974 menjadi saksi kepada satu penghormatan tertinggi yang diberikan kepada seorang tokoh besar dalam dunia Melayu dan Islam iaitu Tuan Haji Abdul Malek bin Sheikh Abdul Karim Amrullah, atau lebih dikenali dengan nama pena yang penuh makna dan wibawa, Buya Hamka.

Lahir pada tahun 1908 di Sungai Batang, Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia, Hamka adalah putera kepada ulama besar Haji Abdul Karim Amrullah (Haji Rasul) dan juga penerus legasi pembaharuan dalam ilmu dan pemikiran Islam. Seawal usia mudanya, beliau telah merantau, mengembara, dan menuntut ilmu di Mekah. Di bumi suci itu, akalnyanya diasah, jiwanya diperkukuh, dan cita-citanya mula melangkaui sempadan tanah airnya.

Beliau pulang sebagai seorang pendakwah, pemikir, sasterawan, dan kemudian menjadi ulama tersohor. Karya-karya seperti Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Di Bawah Lindungan Kaabah dan Tafsir Al-Azhar bukan hanya sekadar bacaan, tetapi mampu membuka minda, menyentuh emosi, dan menyemai nilai keinsafan serta kefahaman yang mendalam tentang kehidupan, agama, dan kemanusiaan dalam diri pembaca.

Pemilihan Hamka sebagai penerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1974 merupakan satu pengiktirafan yang tinggi terhadap warisan intelektual dan kesusasteraan Nusantara. Penghargaan ini juga mencerminkan iltizam universiti untuk menghargai tokoh-tokoh serantau yang telah memberikan sumbangan besar kepada perkembangan pemikiran dan budaya Melayu-Islam.



8 Jun 1974
Penerima Ijazah Kehormat Doktor
Persuratan UKM di Malaysia

Setelah lebih enam dekad mengabdikan diri dalam perjuangan ilmu, penulisan, dan dakwah, Buya Hamka akhirnya meninggalkan dunia pada 24 Julai 1981, ketika berusia 73 tahun. Suaranya masih bergema dalam buku-bukunya yang tidak ternilai harganya. Beliau adalah tokoh yang berjaya mengeratkan hubungan intelektual dan warisan ilmu antara Indonesia dan Malaysia. Pemikiran dan karya-karyanya terus menjadi sumber inspirasi kepada generasi baharu dalam memahami nilai, agama, dan jati diri bangsa.

Penghormatan yang diberikan oleh UKM ini bukan hanya milik Hamka. Ia adalah milik bangsa yang masih percaya bahawa pena itu lebih tajam dari pedang, dan bahawa suara kebenaran akan tetap bergema meskipun cuba dibungkam berkali-kali.

Sumber:

- Ahmad Kamal Abdullah. (2019, May 5). Zamrud berkilau di langit abadi. *Mingguan Malaysia*, p. 14.
- Ijazah kehormat untuk Hamka. (2000, 18 Februari). *Utusan Malaysia* (Pendidikan), p. 3.
- Institut Alam dan Tamadun Melayu. (n.d.). HAMKA (Haji Abdul Malik bin Karim Amrullah). *Malaycivilization*. <https://malaycivilization.com.my/exhibits/show/tokoh-pemikir-alam-melayu-hamka>. Diakses pada 14 April 2025.
- Zawiyah Baba, & Zuraidah Hassan. (2014). Analisis bibliografi karya HAMKA dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman), 2(1), 93-101.